

Proaspirasi kuasai UPM

Sapu bersih 237 kerusi di UiTM, menang 11 kerusi umum di UKM

>>Oleh Faizatul Farlin Farush Khan

ffarlin@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Seramai 36 calon proaspirasi yang bertanding pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), menang dalam keputusan pilihan raya tidak rasmi di Universiti Putra Malaysia (UPM), semalam.

Daripada jumlah itu, calon proaspirasi memenangi 20 kerusi tanpa bertanding pada peringkat fakulti.

Manakala melalui pertandingan, calon proaspirasi memenangi sembilan kerusi berbanding hanya satu kerusi oleh calon propembangkang dan dua kerusi dimenangi calon bebas.

Sementara pada peringkat umum pula, tujuh kerusi dimenangi calon aspirasi berbanding enam pembangkang

dan tiga kerusi oleh calon bebas.

Jumlah kerusi yang dipertandingkan pada pemilihan MPP di UPM kali ini adalah 48 kerusi.

Sementara itu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), semua 11 kerusi umum dimenangi calon proaspirasi.

Selain itu, hanya lima kerusi dimenangi calon propembangkang iaitu dua kerusi di Fakulti Pengajian Islam, dua di Fakulti Pendidikan dan satu kerusi di Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu.

Keputusan rasmi itu diumumkan Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Prof Datuk Dr Mohd Wahid Samsudin, pada jam 11 malam di Pusat Komputer

UKM, semalam.

Pada pemilihan MPP di UKM kali ini, 80 peratus daripada 18,430 pelajar turun mengundi. Jumlah kerusi yang dimenangi parti proaspirasi meningkat satu kerusi berbanding tahun lalu.

Di Shah Alam, calon proaspirasi menyapu bersih semua 237 kerusi dalam pilihan raya MPP Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada sesi pemilihan kali ini, menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM, Prof Dr Nasuddin Othman.

Beliau berkata, jumlah kerusi dimenangi itu merangkumi kampus utama di Shah Alam dan seluruh kampus cawangan dalam pemilihan yang diadakan, semalam.

"Kemenangan calon dari barisan proaspirasi menguasai MPP UiTM adalah se-

suatu yang dijangka dan kejayaan menyapu bersih itu adalah pencapaian tujuh tahun berturut-turut", katanya.

Katanya, peratusan yang keluar mengundi juga sama

dengan tahun lalu iaitu 89.5 peratus di semua 12 kampus UiTM.

Menurutnya, pilihan raya kali ini juga berjalan lancar tanpa sebarang insiden tidak diingini.

"Saya gembira dan bangga kerana kejayaan ini melambangkan kematangan penuntut UiTM dan menunjukkan mereka seiring dengan hasrat kerajaan," katanya.

HM 22/9/06